

# PKPP UMSKAL anjur UMSKAL Idol 2013

4.6.2013 4B B5

LABUAN: Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menganjurkan Malam Penutupan Karnival Kokurikulum sempena Karnival Kokurikulum Semester 2 Sesi 2012/2013 di Dewan Utama UMSKAL baru-baru ini.

Majlis yang bertemakan UMSKAL Idol itu merupakan kerjasama antara PKPP dan

UMSKAL serta dibantu oleh semua pelajar Kokurikulum Semester 2 Sesi 2012/2013 khususnya daripada Kursus INTERIM dan Kursus Muzik Moden.

Karnival ini merupakan satu temasya yang penting bagi pelajar kokurikulum untuk mempamerkan output hasil daripada pembelajaran mereka yang telah mengambil Kursus Kokurikulum pada Semester 2.

Program itu memberi peluang kepada pelajar



**DR ISMAIL (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Abdul Jamal diperhatikan Dr Raman (kiri) sempena Majlis Penutupan Karnival Kokurikulum UMSKAL Sesi 2012/2013.**

untuk mempamerkan output pembelajaran mereka dalam bentuk persembahan, pertunjukan dan pameran sepanjang karnival itu diadakan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali menyempurnakan majlis penutupan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Turut hadir Pengarah PKPP, Prof. Madya Dr. Raman Nordin, Timbalan Pengarah (Akademik) PKPP, Jainurin Justine, Penolong Pendaftar PKPP UMS, Abdul Hafiz Ampuan Tajudin dan Penolong Pendaftar PKPP UMSKAL, Fazdli Sarudi serta Pengarah Program, Eng Hwai Cuo.

Majlis penutupan itu diserikan dengan kehadiran Dekan Sekolah Pengajian Seni, Prof. Madya Abdul Jamal Abdul Hamid yang juga ketua hakim pertandingan.

Kerjasama PKPP dan UMSKAL telah melahirkan UMSKAL Idol yang mempertandingkan tiga kategori iaitu UMSKAL Idol Band (Terbuka), UMSKAL Idol Voice (Kakitangan dan

Pelajar) dan UMSKAL Idol Dance (Terbuka).

Turut diadakan pertandingan dodgeball tertutup (komuniti UMSKAL), badminton tertutup UMSKAL (pelajar dan kakitangan), DOTA (pelajar) dan Unduk Ngadau tertutup PKPP (pelajar Kokurikulum).

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail berkata karnival kokurikulum untuk mengetengahkan dan mengiktiraf bakat pelajar dan kakitangan di samping mengurangkan tekanan yang dihadapi pelajar menjelang minggu peperiksaan.

Dr. Ismail mengucapkan terima kasih atas kehadiran dan sokongan padu masyarakat Labuan sekaligus membuktikan kewujudan UMSKAL adalah untuk bersama-sama penduduk tempatan.

"Saya mahu kakitangan dan pelajar UMSKAL berganding bahu dengan masyarakat tempatan dalam menganjurkan aktiviti yang membawa manfaat kepada kedua-dua pihak," katanya.